

CNS3396

U GR 15-05 00176 RH463

aah

Mahathir - Usukan

SURANG, 15 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata keputusan rakyat Sabah memilih calon Barisan Nasional (BN) semasa pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Usukan baru-baru ini merupakan petanda baik untuk masa depan negeri itu dan juga negara.

Perdana Menteri memberitahu pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini, sebaik sahaja kembali dari percutian selama kira-kira dua minggu di luar negeri, bahawa BN sememangnya menduga akan menang tetapi dengan majoriti yang rendah memandangkan Parti Bersatu Sabah (PBS) membangkitkan perasaan benci terhadap kerajaan Pusat, Umno dan Semenanjung.

+Tidak dapat tidak, tentulah ada orang yang akan terpengaruh dengan kempen itu. Tetapi Alhamdulillah, walaupun kempen memburukkan hubungan dengan kerajaan pusat dibuat dengan begitu meluas, rakyat Sabah nampaknya bukan sahaja mahukan BN malah sanggup memberi sokongan kepada Umno di Sabah,+ katanya.

Pada pilihan raya itu pada 11 Mei lepas, calon BN daripada Umno, Tun Datu Mustapha Datu Harun menewaskan calon PBS Jap Omar dengan kelebihan 2,492 undi. -- Lagi

♥15/05/20-00MST

CNS3401

U GR 15-05 00151 RH464

aah

Mahathir - Usukan 2 Subang

Tun Datu Mustapha, yang juga Timbalan Ketua Perhubungan Umno Sabah, turut hadir di lapangan terbang bersama-sama dengan Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan beberapa menteri serta timbalan menteri untuk menyambut kepulangan Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir mengucapkan tahniah kepada Tun Datu Mustapha dan menjulang tangan pemimpin dari Sabah itu sebagai tanda kemenangan.

Perdana Menteri, yang berlepas ke luar negeri untuk bercuti pada 28 April lepas, tiba di sini pada 6.10 petang dengan menaiki pesawat Penerbangan Malaysia.

Ketika diminta pandangannya mengenai kehakaran kilang mercun dan bunga api di Sungai Buloh, Perdana Menteri berkata ia adalah satu tragedi yang tidak diduga.

Mengenai penubuhan Suruhanjaya Diraja bagi menyasat tragedi itu, beliau berkata adalah lebih baik menunggu sehingga Suruhanjaya itu selesai menjalankan siasatan dan mengemukakan laporan sebelum tindakan lanjut diambil. -- Bernama

♥15/05/20-06MST